

Sidang Antarabangsa Pengajian Tamil Pemilihan Malaysia bukti kita benarkan guna bahasa2 lain - PM

KUALA LUMPUR 15 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah kepada Sidang Antarabangsa Pengajian Tamil buat kali yang kedua adalah bukti jelas bahawa kerajaan membenarkan penggunaan dan pengajian bahasa-bahasa lain di negara ini.

Perdana Menteri berharap persidangan yang diadakan itu dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi persefahaman dan pengetahuan ilmiah. Menurut beliau, penganjuran persidangan tersebut di sini buat kali yang kedua adalah bukti bahawa penggunaan dan pengajian bahasa lain memang dibenarkan selain dari bahasa Malaysia yang menjadi bahasa rasmi negara.

Persidangan pertama mengenai pengajian Tamil telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1966.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Persidangan dan Seminar Antarabangsa Pengajian Tamil yang keenam di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Amat luas

Menurut Perdana Menteri, pengajian bahasa Tamil adalah satu bidang yang amat luas meliputi berbagai perkara seperti linguistik, kesusasteraan, sejarah, arkeologi, antropologi, sosiologi dan sains. Katanya, perbincangan mengenai penggunaan bahasa Tamil dalam komputer

di persidangan ini adalah petanda pengembangan bahasa tersebut sesuai dengan perkembangan zaman.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri menarik perhatian bahawa para pengkaji sejarah dan pakar arkeologi perlu turut memainkan peranan bukan sahaja sebagai pentafsir perkara-perkara yang berlaku tetapi juga sebagai pendaftar terhadap apa yang sudah berlaku itu yang sesuai dengan keadaan semasa.

"Peranan para pengkaji sejarah bukan sahaja boleh digunakan sebagai panduan kepada perkara-perkara yang bakal berlaku di masa depan tetapi boleh juga bertindak melindungi kita dari bahaya gejala-gejala yang berbentuk tidak kemanusiaan," kata Perdana Menteri.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, bahasa Tamil yang mempunyai sejarahnya yang lama adalah dikenali oleh para cendekiawan sebagai antara bahasa yang terindah di dunia. Bahasa Tamil menurut beliau bukan sahaja digunakan di Tamil Nadu di India tetapi juga oleh golongan

minoriti Tamil di negara-negara lain seperti Afrika Selatan dan Afrika Timur, Burma, Fiji, Indonesia, Sri Lanka, Trinidad dan Malaysia.

Perdana Menteri berharap para peserta persidangan tersebut akan dapat menyumbang ke arah peningkatan ilmiah dan persefahaman.

Persidangan tersebut dihadiri oleh 14 negara termasuk Australia, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mauritius, Belanda, Filipina, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Menteri Kerja Raya, Datuk S. Samy Vellu yang juga Pengerusi Persatuan Antarabangsa Penyelidikan Tamil berkata lebih 200 kertas kerja akan dibentangkan di persidangan kali ini.